

Muhyiddin punca kerajaan tak stabil

Georgetown: Pengerusi Perikatan Nasional (PN), Tan Sri Muhyiddin Yassin didakwa menjadi punca utama dalam situasi kerajaan yang dikatakan tidak stabil sekarang.

Timbalan Pengerusi DAP Pulau Pinang, Dr P Ramasamy, berkata Muhyiddin mungkin mengkritik pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim namun Ahli Parlimen Pagoh itu harus sedar, gabungan PN sebahagian daripada masalah itu.

"Saya tidak mengharapkan Pengerusi PN akan berkata apa-apa yang baik mengenai Kerajaan Perpaduan yang berusia beberapa bulan di bawah Anwar," katanya dalam kenyataan melalui media sosial, semalam.

Muhyiddin setakat ini belum menjawab dakwaan Ramasamy.

Ramasamy berkata, Muhyiddin baru-baru ini menyatakan Kerajaan Perpaduan tiada harapan serta hala tuju serta paling penting tiada jawapan mengenai kemerosotan nilai ringgit, selain situasi ekonomi menyedihkan masyarakat B40.

Bekas Perdana Menteri itu turut berkata, ketidakupayaan

pihak Anwar menangani perkara berkenaan menimbulkan ketidakstabilan dalam negara.

"Saya tidak fikir Anwar memandang ringan masalah ekonomi dan kewangan negara dan beliau mungkin sudah berkuasa selama beberapa bulan tetapi beliau pastinya tidak berpuas hati dengan kejayaannya itu.


"Terdapat usaha berterusan dan tanpa henti untuk (menangani masalah) kestabilan politik, ekonomi dan politik yang berlanjutan," katanya.

Beliau berpendapat, masalah yang dihadapi oleh Kerajaan Perpaduan bukan disebabkan oleh kepemimpinan Anwar tetapi tinggalan daripada dua kerajaan

terdahulu PN dan Barisan Nasional (BN) yang tidak cekap.

Tegasnya, PN pastinya dilihat tidak menyediakan keadaan yang stabil untuk Anwar menangani masalah ekonomi dan sosial negara.

"Apa yang Anwar cuba lakukan yang terbaik untuk menangani pelbagai masalah ekonomi dan sosial yang ditinggalkan oleh 'wira' sekarang dalam gabungan PN yang diketuai oleh Muhyiddin.



P Ramasamy



DAP salahkan gabungan PN yang didakwa menjadi punca kerajaan dikatakan tak stabil.

(Fotohiasan)

"Anwar tidak berpura-pura beliau mempunyai semua jawapan, tetapi penyelesaian perlu dicari dalam proses politik yang berlaku dalam keadaan sukar.

"Sudah tentu bukan Anwar atau Kerajaan Perpaduan yang bertanggungjawab untuk mewujudkan hutang sebanyak RM1.5 trilion," katanya.

Ramasamy berkata, Muhyiddin seharusnya turut menyedari ketidakstabilan yang dibayangkan sekarang berpunca daripada ahli politik yang mementingkan diri sendiri seperti dirinya.

Bekas profesor itu turut berpandangan Kerajaan Perpaduan Anwar sekarang tidak

dibentuk di bawah iklim politik yang ideal.

"Ia ditubuhkan untuk memastikan kestabilan politik. Yang paling penting untuk menggagalkan reka bentuk besar gabungan PN untuk membentuk kerajaan di bawah afidavit bersumpah yang meragukan.

"Jika berlaku ketidakstabilan dalam negara hari ini, mungkin Muhyiddin boleh memainkan peranannya dengan mengekang gabungan PN memainkan isu agama dan perkauman.

"Adakah dia bersedia melupakan ini? PN sebahagian daripada masalah bukan penyelesaian," tulisnya.